

PROJEK PELAJAR
(Students' Projects)

CERMIN MATA -REKA BENTUK DAN PERANANNYA

SEBAGAI AKSESORI

Oleh

MARZUDI BIN MD YUNUS

91222346

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis dan Senireka,
Institusi Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka.

1. DIPERIKSA OLEH..... TARIKH.....

2. DIPERIKSA OLEH..... TARIKH.....

DILULUSKAN OLEH..... TARIKH.....

DEKAN

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

INSTITIUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

Bahagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur saya ke hadrat Allah Taala dengan keizininannya dapat saya menyiapkan sebuah tesis yang bertajuk "Cermin Mata -Reka bentuk dan Peranannya sebagai aksesori". Saya juga mendapat pertolongan dan nasihat serta dorongan dari keluarga saya yang begitu besar ertinya kepada saya. Ibu dan bapa saya serta kakak dan abang saya begitu besar korbannya baik dari segi masa, wang ringgit serta memberi ide-ide pada saya dalam menyiapkan tesis ini. Mereka juga mengambil berat tentang pelajaran saya dan sentiasa menasihatkan saya supaya sentiasa berusaha dan bersabar untuk menempuhi cabaran-cabaran yang tiba semasa menuntut ilmu. Segala pengorbanan yang diberikan oleh keluarga saya terutama ibu dan bapa, kakak dan abang serta adik saya tetap akan saya sanjung tinggi. Insyallah, saya berusaha untuk menjadi manusia yang berguna.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada ketua kursus dan para pensyarah yang tidak pernah mengenal erti jemu dan penat untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya.

SINOPSIS

Tesis yang bertajuk "CERMIN MATA - REKA BENTUK DAN PERANANNYA SEBAGAI AKSESORI" ini adalah berkaitan dengan reka bentuk, penggunaan bahan dan juga peranannya sebagai aksesori pada wajah. Perkembangan kemajuan manusia telah mengubah beberapa aspek yang berkaitan dengan cermin mata.

Pada peringkat awal kajian, pengenalan mengenai penciptaan cermin mata dan tujuan penciptaannya dibincangkan. Dalam bab ini dibicarakan juga mengenai perkembangan reka bentuk cermin mata dari awal hingga kini. Ini meliputi aspek fungsi dan juga penggunaan bahan.

Dalam bab ke 2, perbincangan mengenai bahan dan fungsinya telah dibicarakan dengan agak terperinci. Komponen dan fungsinya juga ada dikupas dalam bab 2 ini. Ia meliputi bingkai, kanta, nose pad dan temple.

Dalam bab ke 3 pula, penulis cuba membicarakan tentang aspek reka bentuk secara keseluruhan di samping huraian terhadap contoh-contoh yang dilampirkan bersama. Kombinasi dan

KANDUNGAN

Halaman Pemeriksa

Kata Pengantar

Penghargaan

Sinopsis

Isi Kandungan:-

BAB 1 - PENDAHULUAN

- 1.1 - Pengenalan
- 1.2 - Sejarah Penggunaan Cermin Mata
- 1.3 - Perkembangan Reka Bentuk

BAB 2 - KOMPONEN-KOMPONEN CERMIN MATA

- 2.1 - Kanta
 - 2.11 - Bahan
 - 2.12 - Jenis-jenis Kanta
 - 2.13 - Kelebihan Dan Kekurangan Kanta Plastik Dan Kaca
- 2.2 - Bingkai Cermin Mata
 - 2.21 - Bahan
- 2.3 - Temple
 - 2.31 - Bahan
- 2.4 - Nose Pad

BAB 1

1.1 - PENGENALAN

Cermin Mata merupakan sejenis alat yang dipakai di bahagian muka. Ia terdiri daripada beberapa bahagian seperti kanta, bingkai, temple dan nose pad. Setiap daripada bahagian-bahagian itu mempunyai fungsinya yang tersendiri.

Cermin mata bukan hanya berfungsi sebagai alat bantuan penglihatan sahaja, tetapi juga berfungsi sebagai aksesori, fesyen(1), alat keselamatan dan lain-lain lagi. Namun begitu fungsi utamanya ialah untuk mengatasi masalah penglihatan iaitu rabun dekat dan rabun jauh. Rabun adalah disebabkan oleh kegagalan kanta mata untuk menumpukan cahaya atau imej kepada retina(2).

Pada hari ini cermin mata bukan hanya digunakan sebagai alat bantuan penglihatan semata-mata. Malah ia juga digunakan sebagai salah satu aksesori penyeri wajah dan merupakan

-
1. Zurilawati Ku Zaifah, "Jendela Fesyen" Majalah Jelita, Julai 94.
 2. Ruangan Kesihatan, Akhbar Berita Harian, 30 Ogos 1994.